

MEKANISME PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN BERASASKAN LENSA MAQASID SYARIAH: TINJAUAN DI PUSAT KEGIATAN WARGA EMAS (PKWE), NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Muhammad Furqan Firdaus Bin Dr. Haji Samsul Muawan¹, Cecep Soleh Kurniawan²,

¹ *Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam*

² *Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam*

¹ fur.3189@gmail.com

² soleh.kurniawan@unissa.edu.bn

Abstract

Negara Brunei Darussalam kini menghadapi perubahan demografi yang signifikan, di mana peratusan warga emas meningkat kepada 10.8% pada tahun 2023 dan dijangka mencapai 13.64% menjelang 2035. Sejalan dengan perkembangan ini, kajian ini bertujuan menilai penerapan nilai-nilai Maqasid Syariah dalam memperkukuh kesejahteraan holistik warga emas. Berdasarkan prinsip Maqasid Syariah yang selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) serta gagasan Negara Zikir, kajian ini meneliti konsep warga emas menurut perspektif Islam, menilai kualiti hidup mereka, dan mengkaji mekanisme penambahbaikan sistem pengurusan aktiviti di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), khususnya di Daerah Brunei Muara (DBM). Kajian ini menjawab persoalan berkaitan bagaimana Maqasid Syariah dapat menerangkan peranan serta nilai warga emas, menilai tahap kesejahteraan mereka, dan mencadangkan mekanisme penambahbaikan pengurusan PKWE. Pendekatan kualitatif digunakan melalui triangulasi data melibatkan kajian literatur, temu bual, pemerhatian lapangan, dan analisis dokumen menerusi analisis tematik dan deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengintegrasian Maqasid Syariah secara komprehensif mampu meningkatkan keberkesanan PKWE sebagai institusi sokongan, mengurangkan kesan negatif penuaan, serta memperkukuh kesejahteraan spiritual, sosial, dan emosi warga emas di Negara Brunei Darussalam.

Keywords: Mekanisme penambahbaikan; pengurusan; Maqasid Syariah; Pusat Kegiatan Warga Emas; Negara Brunei Darussalam

INTRODUCTION

Institusi kekeluargaan merupakan teras pembinaan tamadun manusia dan wahana utama dalam memastikan kesinambungan nilai-nilai kemanusiaan merentas generasi. Peranannya dalam pembangunan kemaslahatan sejagat telah diiktiraf di peringkat antarabangsa, sebagaimana dimanifestasikan melalui kenyataan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dalam Persidangan Menteri Kali Pertama Berkenaan Institusi Keluarga dan Perkahwinan (Pelita Brunei, 2017). Namun begitu, kehadiran pengaruh budaya luar yang semakin pesat, terutama menerusi arus globalisasi dan digitalisasi, telah menjadi cabaran nyata kepada pengukuhan institusi kekeluargaan di seluruh dunia, tidak terkecuali di Negara Brunei Darussalam (Pelita Brunei, 2017). Justeru, usaha menyeluruh yang melibatkan semua lapisan masyarakat amat diperlukan bagi memastikan keutuhan dan keharmonian institusi ini terpelihara daripada ancaman ketidakstabilan sosial.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kepentingan institusi kekeluargaan telah diperkukuhkan melalui pelbagai platform rasmi kerajaan. Antaranya ialah Program Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah tahun 2023 (Muafiq23) yang diadakan bersempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan. Program tersebut menegaskan bahawa tanggungjawab setiap anggota dalam institusi keluarga ialah melindungi kehidupan keluarga daripada ketidakharmonian berpandukan ajaran Islam (Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei [JHEU], 2023). Hal ini turut diperkemaskan melalui pendekatan senegara atau *Whole of Nation* dalam menyampaikan mesej mengenai kualiti kehidupan berkeluarga sempena Hari Keluarga Negara Brunei Darussalam (Pelita Brunei, 2023). Selain itu, karya berautoriti seperti *Institusi Keluarga dan Undang-Undang* tulisan Datin Dr. Hajah Saadiah binti Datu Derma Wijaya (2015), yang bersumberkan rancangan radio bertajuk 'Segmen Undang-Undang Keluarga' dari tahun 2004 hingga Mac 2007, turut menjadi rujukan penting dalam memahami rangka undang-undang yang memayungi institusi kekeluargaan di negara ini.

Kepentingan institusi kekeluargaan turut diutarakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dalam titah baginda sempena Majlis Konvokesyen Ketiga Belas Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) pada tahun 2023, baginda menegaskan bahawa: "*Kerana itu, institusi keluarga mempunyai peranan penting dalam menyambung pembelajaran anak-anak di sekolah*" (Jabatan Perdana Menteri [JPM], 2023). Kenyataan baginda ini menzahirkan kedudukan institusi keluarga sebagai rakan kongsi utama sistem pendidikan negara, seiring dengan matlamat pembangunan modal insan yang holistik. Senada dengan itu, khutbah bertajuk 'Mengukuhkan Keharmonian Keluarga' yang disampaikan pada 20 Mei 2023 turut menegaskan bahawa sambutan Hari Keluarga Kebangsaan merupakan satu wadah penyatuan usaha secara *Whole of Nation* bagi mengatasi pelbagai cabaran keluarga, termasuk dalam aspek perpaduan masyarakat dan pembangunan negara (Kementerian Hal Ehwal Ugama [KHEU], 2023).

Dalam usaha memantapkan institusi kekeluargaan, golongan belia industri berusia antara 25 hingga 35 tahun telah dikenalpasti sebagai kumpulan sasar utama dalam program pemerksaan (Khairul Nazif, 2020). Selain itu, Kursus Pasca Perkahwinan telah diperkenalkan sebagai mekanisme intervensi awal bagi mencapai keharmonian institusi kekeluargaan (Nazihah Hanni & Azme Matali, 2023). Kajian menunjukkan bahawa keretakan institusi kekeluargaan merupakan antara punca utama berlakunya pelbagai permasalahan sosial, di mana ibu bapa memainkan peranan yang sangat signifikan dalam membentuk mentaliti anak-anak mereka (Norashibah, 2022). Di samping itu, konsep kafa'ah perlu diberi perhatian serius dalam pembentukan institusi keluarga yang mampan dan berintegriti (Maziyyatul Muzayyanah & Supri Sudin, 2023), manakala komunikasi yang berkesan, perapatan emosi dan pemerksaan pendidikan turut dikenal pasti sebagai faktor-faktor penting dalam mengukuhkan institusi keluarga di kalangan remaja (Khairul Amri et al., 2024).

Dalam skop yang lebih luas, fenomena penuaan populasi global telah menjadi isu demografi yang kritikal pada abad ke-21. Komisi Ekonomi dan Sosial Asia Pasifik (Economic and Social Commission for Asia and the Pacific [ESCAP], 2017) melaporkan bahawa negara-negara di Rantau Asia-Pasifik sedang mengalami transisi penuaan penduduk dengan kadar yang berbeza-beza namun tetap membawa implikasi sosioekonomi yang signifikan. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations, 2020) turut menegaskan bahawa peningkatan dalam sektor kesihatan dan ekonomi telah memanjangkan jangka hayat manusia secara global, menjadikan warga emas sebagai segmen demografi yang semakin berkembang. Menurut World Population Ageing 2023, individu berusia 65 tahun dan ke atas dikategorikan sebagai warga emas (*Older Persons*) (United Nations, 2023). Berdasarkan perangkaan Brunei

Darussalam Key Indicators 2023, daripada jumlah keseluruhan 450,500 penduduk, sebanyak 7.0% atau 31,300 orang merupakan mereka yang berusia 65 tahun dan ke atas (Ministry of Finance and Economy [MoFE], 2024).

Di Negara Brunei Darussalam secara khususnya, warga emas didefinisikan sebagai mereka yang berusia 60 tahun dan ke atas, selaras dengan penetapan Persidangan di Vienna, Austria pada tahun 1982 (Pusat Promosi Kesihatan [PPK], t.t.). Negara ini dijangka mencapai taraf negara berpenduduk tua (*aged country*) apabila peratusan warga emas menjangkau 14% menjelang tahun 2026, meningkat daripada hanya 7% sebelumnya dalam tempoh 12 tahun (Nabihah Matsah et al., 2023). Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, semasa titah baginda sempena Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara pada tahun 2006, telah berkenan merakam penghargaan terhadap sumbangan warga emas: *"terutama di kalangan orang tua-tua kita yang menjadi pengasas kepada kebajikan-kebajikan yang ada. Mereka itu dikenang, dan akan terus dikenang"* (Jabatan Penerangan, sebagaimana dipetik dalam Hajah Rosidah, 2015). Pengiktirafan baginda ini mencerminkan nilai tinggi yang diberikan kepada warga emas dalam peradaban Islam dan budaya Brunei Darussalam.

Daripada perspektif tadbir urus, Mary Parker Follett (1993, sebagaimana dipetik dalam Barrett, 2003) mendefinisikan pengurusan sebagai proses di mana manusia menjadi perantara dalam mendapatkan dan mengurus maklumat menerusi amalan pengurusan yang sistematik. Dalam konteks Islam, tadbir urus merangkumi aspek-aspek pelakuan, kepercayaan, budaya dan nilai yang perlu diterapkan secara menyeluruh dalam setiap dimensi pengurusan (Rozan Yunus, 2022). Konsep Maqāsid Syarī'ah yang dikemukakan oleh Prof. Amin Abdul Aziz merupakan tonggak dan asas pentadbiran Islam bagi setiap muslim (Institut Perkhidmatan Awam [IPA], 2020). Kepentingan konsep ini telah ditegaskan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam titah baginda: *"Sebagai sebuah negara Islam yang progresif, pengukuhan Maqasid Syar'iah adalah menjadi pra-syarat kepada kejayaan negara. Pengukuhan ini penting, sebagai pemangkin ke arah memastikan negara terus menuai kemakmuran dan kesejahteraan"* (JPM, 2018). Selaras dengan titah tersebut, konsep Maqāsid Syarī'ah telah dilaksanakan secara praktis dalam tadbir urus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) (JPM, 2018).

Dalam konteks pemeliharaan warga emas, Islam telah menggariskan panduan yang komprehensif bersandarkan kepada Maqāsid Syarī'ah yang bertujuan menolak kemudaratan dan menjamin kemaslahatan sejagat. Mahmud Saedon (sebagaimana dipetik dalam Mashitah Mutalib & Arasy Masod, 2019) menegaskan bahawa anak-anak diwajibkan menghormati dan mengasihi ibu bapa mereka tanpa syarat, walaupun ibu bapa mereka bukan beragama Islam. Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam surah al-Isra' ayat 23 yang bermaksud: *"Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya"*, merupakan landasan teologis utama dalam pemeliharaan golongan tua dalam Islam. Pendekatan *Whole of Nation* yang melibatkan sokongan padu semua pihak juga dituntut demi mencapai kehidupan yang lebih berkualiti bagi warga emas (Mashitah Mutalib & Arasy Masod, 2019).

Pelbagai mekanisme telah dicadangkan dan dilaksanakan dalam pemeliharaan warga emas di Negara Brunei Darussalam. Institusi wakaf misalnya berpotensi besar membantu memelihara kualiti hidup warga emas, namun perlaksanaannya memerlukan pengurusan yang sistematik dan profesional selaras dengan kehendak Syara' (Muhamad Firdaus Ab Rahman et al., 2020). Kerjasama antara pengurusan wakaf dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) dan Rumah Warga Emas juga perlu diperkukuhkan (Muhamad Firdaus Ab Rahman et al., 2020). Selain itu, penunaian ibadah zakat berpotensi

menyumbang kepada pemeliharaan golongan warga emas merangkumi aspek kerohanian, kesihatan, ekonomi dan tempat tinggal, selaras dengan penerapan konsep Maqāṣid Syarī'ah (Muhamad Firdaus Ab Rahman et al., 2020). Di samping itu, pendekatan rakan sebaya (*peer approach*) melalui aktiviti berkumpulan terbukti mampu meningkatkan semangat dan kebahagiaan warga emas dalam kelangsungan hidup mereka (Othman Abdul Rahman, 2018). Kepentingan Islam dalam mendorong semua pihak yang berkepentingan untuk sentiasa bersedia memelihara kemaslahatan warga emas menerusi pendekatan Maqāṣid Syarī'ah juga tidak dapat dinafikan (Tuan Sidek T.M & Ismail Hasanuddin, 2021).

Aspek kerohanian dan kesihatan juga memainkan peranan penting dalam isu penuaan di Negara Brunei Darussalam. Kajian menunjukkan bahawa aspek kerohanian merupakan ciri yang mustahak dalam proses penuaan di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam (Izzati Jaidin, 2023). Wanita-wanita tersebut didapati telah mempersiapkan diri untuk menghadapi fasa penuaan dan kematian dengan berpandukan ajaran Islam, menolak ideologi barat yang memandang negatif terhadap proses penuaan (Izzati Jaidin, 2019). Ikatan institusi kekeluargaan yang kukuh dalam konteks adat dan budaya keislaman Negara Brunei Darussalam turut memberi implikasi positif terhadap kerohanian wanita-wanita ini (Izzati Jaidin, 2019). Dari sudut kesihatan pula, kesedaran terhadap risiko Sarcopenia — kemerosotan jisim dan kekuatan otot akibat proses penuaan — dalam kalangan warga emas Negara Brunei Darussalam menuntut kerangka kerja penyelidikan yang strategik bagi mencapai matlamat penuaan sihat (Nabihah Matsah et al., 2023). Kajian-kajian terkini juga mendedahkan bahawa penuaan biologi sebenarnya bermula pada usia sekitar 33 tahun, selaras dengan penjelasan Islam tentang usia ahli syurga yang berada antara 30 hingga 33 tahun (Shah Rizul Izyan Zulkipli & Noornajihan Jaafar, 2022). Ini mengesahkan keperluan untuk menyediakan diri menghadapi fasa penuaan sejak awal, bukan secara pasif, melalui pendekatan yang diberikan panduan oleh Islam (Muhammad Hassan, 2019).


Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di Negara Brunei Darussalam merupakan antara institusi teras yang menguruskan kebajikan dan aktiviti warga emas di peringkat tempatan. Walau bagaimanapun, kajian terhadap mekanisme pengurusan PKWE masih terhad, khususnya yang menggunakan lensa Maqāṣid Syarī'ah sebagai kerangka analitik. Penerapan ajaran Islam, penguatkuasaan undang-undang Islam, penyebaran pendidikan Islam serta pembinaan institusi-institusi Islam di Negara Brunei Darussalam telah memantapkan kedudukan Islam di persada dunia (Fatin Fareed, 2020). Dalam masa yang sama, peranan institusi kekeluargaan dalam pemeliharaan warga emas di PKWE turut perlu dikaji secara mendalam (Izzati Jaidin, 2019), memandangkan keluarga merupakan unit paling asas yang bertanggungjawab dalam menjaga kesejahteraan warga emas. Kajian ini justeru bertujuan mengkaji mekanisme penambahbaikan pengurusan di PKWE berasaskan lensa Maqāṣid Syarī'ah bagi memastikan perkhidmatan yang ditawarkan benar-benar memenuhi keperluan fizikal, emosi, sosial dan kerohanian warga emas di Negara Brunei Darussalam, selaras dengan wawasan negara yang berpaksikan Melayu Islam Beraja (MIB).

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perspektif Barat dan Islam terhadap proses penuaan serta pengklasifikasian tahap usia warga emas, mengenal pasti cabaran yang dihadapi golongan tersebut dalam mendepani fasa penuaan, menilai keberkesanan mekanisme dan dinamika peranan kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam memelihara kebajikan warga emas, serta membangunkan suatu kerangka pemeliharaan yang komprehensif berasaskan prinsip Islam dalam konteks Negara Brunei Darussalam. Kajian ini signifikan kepada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk institusi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Bahagian Perkhidmatan Sosial dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, masyarakat keseluruhan, serta komuniti akademik di Universiti Islam Sultan Sharif Ali, dalam usaha memperkukuh

kefahaman dan respons terhadap isu-isu warga emas yang bersifat dinamik selaras dengan perubahan sosial dan peredaran zaman.

METHOD

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif sebagai reka bentuk penyelidikan utama bagi meneliti mekanisme penambahbaikan pengurusan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) berasaskan lensa Maqāsid Syarī'ah. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengkaji memahami fenomena sosial secara mendalam dalam konteks semula jadinya melalui pengumpulan data yang kaya, kontekstual dan holistik. Seiring dengan prinsip triangulasi data yang dikemukakan oleh Denzin (1978), Lincoln dan Guba (1985) serta Creswell dan Creswell (2018), kajian ini menggabungkan empat instrumen utama yang saling melengkapi, iaitu kajian literatur, analisis dokumen, temu bual, dan pemerhatian lapangan bagi meningkatkan kredibiliti, kebolehpercayaan dan ketepatan dapatan. Kajian literatur dilaksanakan melalui penelitian sumber-sumber berautoriti termasuk rujukan di Perpustakaan Daarul Ifta dan Jabatan Mufti Kerajaan, di samping karya akademik berkaitan Maqāsid Syarī'ah, pengurusan warga emas dan tadbir urus Islam. Analisis dokumen pula merangkumi semakan akta, dasar, garis panduan, laporan rasmi, pelan strategik serta statistik daripada Unit Penuaan Sihat di bawah Pusat Promosi Kesihatan, Jabatan Perundangan Islam di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei Muara, Unit Perkhidmatan Pencen dan Elaun, Unit Pembangunan Warga Emas serta Jabatan Pembangunan Masyarakat. Kaedah temu bual secara berstruktur dan separa berstruktur dijalankan bersama seorang wakil PKWE Daerah Brunei Muara dan dua orang warga emas yang tidak bernaung di bawah mana-mana institusi, manakala pemerhatian dilaksanakan secara bukan peserta dan peserta sebagai pemerhati terhadap program Ri'ayah Warga Emas (Klinik Undang-Undang Syariah) anjuran Jabatan Perundangan Islam. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis tematik berasaskan kerangka Braun dan Clarke (2006, 2019) serta analisis deskriptif bagi menghasilkan huraian yang sistematik dan bermakna. Secara keseluruhannya, integrasi pendekatan kualitatif, triangulasi pelbagai sumber dan kaedah analisis yang sistematik ini mencerminkan keteguhan metodologikal kajian serta menyokong penghasilan dapatan yang sahih, refleksif dan komprehensif. Adapun metodologi keseluruhan kajian dihuraikan melalui carta aliran seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 berikut:



Rajah 1. Metodologi Carta Aliran Secara Keseluruhan Fasa Bagi Keempat-Empat Objektif Kajian

RESULT AND DISCUSSION

Pengkaji telah melaksanakan pengkodan data informan bagi kajian ini sepertimana dalam Jadual 1 berikut.

Jadual 1. Pengkodan Data Informan Dalam Kajian

Informan	Kod
JKT PKWE DBM	I1
Warga Emas Berusia 69	I2
Warga Emas Berusia 63	I3

(Sumber: Pengkaji, 2024)

Adapun pengkaji telah mendapatkan maklum balas dari sesi penemubualan kepada 3 informan seperti Jadual 3 berikut:

Jadual 2. Maklum Balas Penemubualan

Urutan Nombor Soalan	Maklum Balas Penemubualan
S1	(I1) Warga emas pada era kontemporari memperlihatkan perubahan yang ketara berbanding generasi terdahulu, khususnya dari segi penglibatan sosial dan profesional. Pada masa kini, ramai dalam kalangan mereka yang pernah berkhidmat dalam sektor awam mahupun swasta sebelum mencapai usia persaraan. Setelah bersara, sebahagian daripada mereka memilih untuk menyambung sumbangan bakti mereka melalui penglibatan aktif di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE DBM) dengan memegang jawatan dalam Jawatan Kuasa Tadbir (JKT) dan Jawatan Kuasa Kerja (JKK). Walau bagaimanapun, terdapat juga segmen warga emas yang memilih untuk tidak terlibat secara langsung dengan PKWE disebabkan oleh keutamaan peribadi seperti tanggungjawab menjaga cucu dan keperluan berehat di kediaman masing-masing. (I2) Generasi warga emas yang lebih awal didapati kurang terdedah kepada peluang pekerjaan formal berbanding warga emas masa kini, seiring dengan faktor pendapatan yang lebih rendah pada dekad 1990-an dan sebelumnya. Di samping itu, kemudahan institusi seperti pusat kegiatan khusus untuk warga emas pada ketika itu belum wujud, menjadikan ruang untuk penglibatan sosial mereka amat terhad. (I3) Golongan warga emas terdahulu diakui sebagai individu yang pernah menduduki jawatan profesional yang signifikan, antaranya dalam bidang kejuruteraan dan perubatan. Sumbangan mereka dalam merangka pembangunan negara adalah tidak ternilai dan masih dirasai manfaatnya hingga ke hari ini. Sebaliknya, warga emas pada era semasa pula lebih akrab dengan landskap teknologi maklumat dan komunikasi terkini, termasuk penggunaan media elektronik yang semakin pesat berkembang.
S2	(I1) Tanggungjawab terhadap kesejahteraan warga emas dipikul secara bersama oleh generasi muda yang berkhidmat, badan kerajaan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) serta keseluruhan jentera pemerintahan negara. (I2) Pihak yang paling utama dalam menjamin kebajikan warga emas ialah ahli keluarga terdekat, khususnya anak-anak, selain sokongan institusi kerajaan Negara Brunei Darussalam yang menyediakan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan berkaitan. (I3) Kerajaan negara memikul tanggungjawab utama dalam menjaga kesejahteraan warga emas, dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dipertanggungjawabkan secara khusus untuk memantau perkembangan golongan yang telah berjasa kepada negara ini. Pelbagai bantuan kebajikan turut disalurkan bagi memastikan keperluan asas mereka dipenuhi. Hubungan antara warga emas dan JAPEM bersifat timbal balik dan saling melengkapi,

merangkumi aspek perkongsian ilmu, pengamalan dan kebajikan demi mencapai kesejahteraan bersama.

S3	(I1) Dalam pengalaman sedia ada, warga emas dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas yang diberikan di lokasi yang telah ditetapkan, dan ini menuntut tahap kesabaran serta ketahanan mental yang tinggi. Potensi cabaran yang mungkin timbul pada masa hadapan pula ialah kemungkinan berlakunya jurang kesepadan dan ketidakpuasan hati antara ahli-ahli dengan pihak Jawatan Kuasa Tadbir (JKT). (I2) Dalam aspek penjagaan kesihatan, warga emas di Negara Brunei Darussalam menikmati kemudahan rawatan bersubsidi malah percuma di institusi kesihatan seperti hospital kerajaan dan Jerudong Park Medical Centre (JPMC). Peruntukan ini merupakan manifestasi nyata kebajikan pemerintah terhadap golongan ini, justeru warga negara sewajarnya menghargai dan bersyukur atas segala inisiatif yang diberikan. (I3) Di Negara Brunei Darussalam, warga emas masih dipandang tinggi kerana sumbangan kepakaran dan pengalaman mereka yang berharga kepada pentadbiran negara. Ramai dalam kalangan mereka yang telah bersara namun masih diperlukan oleh kerajaan atas kapasiti pakar, termasuk dalam badan-badan muktabar seperti Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet bagi tempoh 2022 hingga 2026. Sekiranya potensi warga emas diabaikan, negara akan kehilangan khazanah pengetahuan dan pengalaman yang tidak ternilai yang sepatutnya diwariskan kepada generasi penerus bangsa.
S4	(I1) Penglibatan aktif dalam pelbagai aktiviti pembelajaran dan program yang disediakan oleh PKWE DBM, serta kepatuhan penuh terhadap peraturan dan tatacara yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan, dilihat sebagai landasan utama bagi warga emas untuk mengisi masa persaraan mereka secara bermakna dan produktif.
S5	(I1) Institusi perbankan merupakan saluran utama penerimaan faedah kewangan bagi warga emas, walaupun terdapat ancaman penipuan dalam talian (scam) yang kian membimbangkan. Elaun harian sebanyak \$10.00 BND dinilai mencukupi untuk kegunaan seharian apabila digabungkan dengan penerimaan pencen tua, manakala Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) yang bernilai melebihi \$200.00 BND namun di bawah \$400.00 BND turut membantu menampung keperluan asas termasuk perbelanjaan perumahan. (I2) Saluran perbankan merupakan pilihan yang lebih efisien dan selesa dalam penerimaan pencen, memandangkan ia mengelakkan kesesakan fizikal. Kemudahan pemberitahuan elektronik membolehkan penerima memantau tarikh dan status pembayaran dengan tepat. Namun, isu teknikal seperti pemadaman mesej pemberitahuan secara tidak sengaja kadangkala menimbulkan sedikit kekeliruan dalam pengurusan kewangan peribadi. (I3) Jumlah pencen tua yang pernah diterima pada masa terdahulu adalah sebanyak \$250.00 BND, satu jumlah yang pada masa kini tidak lagi sesuai dengan kos sara hidup semasa yang jauh lebih tinggi. Penyemakan semula kadar pencen tua perlu dipertimbangkan agar lebih relevan dengan realiti ekonomi semasa. Pembayaran melalui saluran perbankan diakui sebagai kaedah yang paling efektif dan telus, berbanding sistem agihan melalui ketua kampung yang pernah menimbulkan kelewatan dan masalah dalam pengalaman peribadi informan.
S6	(I1) Tanpa pengalaman melawat pusat-pusat seumpamanya di luar negara sebagai perbandingan, informan menyatakan rasa syukur dan kepuasan yang tinggi terhadap prasarana dan infrastruktur PKWE DBM yang disediakan oleh kerajaan. Kemudahan parkir yang selesa, lokasi yang strategik berdekatan dengan kediaman di Kampung Meragang, serta keadaan lalu lintas yang tidak sesak menjadi faktor-faktor yang meningkatkan kepuasan pengguna terhadap kemudahan yang ada.

S7	(I1) Persekitaran PKWE DBM yang aktif dan meriah telah berjaya menangani isu kesunyian dalam kalangan warga emas. Aktiviti karaoke yang diadakan setiap hari Sabtu khususnya menjadi salah satu program yang paling diminati dan berkesan dalam memupuk semangat kebersamaan di antara ahli-ahli. (I2) Penglibatan dalam aktiviti PKWE terbukti berkesan sebagai terapi sosial yang berupaya mengisi kekosongan emosi dan menangani kesunyian warga emas, di samping menggalakkan proses pembelajaran berterusan melalui pelbagai program kemasyarakatan yang bermakna. (I3) Program-program yang berorientasikan kerohanian dan keagamaan mendominasi landskap aktiviti warga emas di Negara Brunei Darussalam, dengan penglibatan golongan ini yang sangat aktif di masjid-masjid tempatan. Pada hujung minggu, program riadah seperti berjalan kaki (walkathon) dan berbasikal dianjurkan oleh pelbagai pihak dengan matlamat ganda, iaitu memupuk perpaduan sosial dan meningkatkan kesihatan fizikal warga emas. Institusi masjid dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dikenal pasti sebagai antara penganjur utama yang paling aktif dalam merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti khusus untuk golongan ini.
S8	(I1) Warga emas pada dasarnya bersikap terbuka terhadap perubahan dan inovasi dalam pengurusan, dengan syarat setiap penambahbaikan dinilai secara kritis berpandukan prinsip menerima yang baik dan menolak yang tidak selari dengan nilai dan amalan sedia ada. Penyesuaian terhadap keadaan dan konteks tempatan tetap menjadi pertimbangan utama dalam proses transformasi ini. (I2) Penerimaan terhadap elemen-elemen baharu adalah sesuatu yang dialu-alukan, asalkan perlaksanaannya dilakukan dengan berhemah dan mengikut saluran yang betul. Prinsip asas yang dipegang ialah mengambil yang memberi manfaat dan meninggalkan yang mendatangkan kemudharatan. (I3) Kurangnya pendedahan dan maklumat tentang kewujudan PKWE kepada masyarakat umum, termasuk kepada golongan warga emas sendiri, merupakan suatu jurang yang perlu diatasi segera. Penyebaran maklumat secara lebih sistematik melalui media kerajaan dan platform elektronik adalah disyorkan bagi memastikan capaian yang lebih luas dan menyeluruh. Selain itu, kerjasama aktif antara generasi belia dan warga emas melalui program perbincangan dan perkongsian maklumat, khususnya berkenaan perkembangan teknologi terkini seperti dalam bidang kesihatan dan rawatan penyakit, perlu dipertingkatkan sebagai satu bentuk jambatan antara generasi.
S9	(I1) Sesi pengajaran di PKWE DBM dijalankan dua kali seminggu oleh dua orang pengajar, dengan penjadualan waktu yang dinilai praktikal dan bersesuaian. Tahap kehadiran keseluruhan adalah memuaskan. Kelas al-Quran pada hari Isnin mencatatkan kehadiran yang ramai, walaupun penglibatan peserta lelaki hanya terdiri daripada tujuh hingga lapan orang sahaja. Dari segi penumpuan, peserta lebih bersemangat dan produktif pada sesi pagi berbanding sesi petang. Kelas Muqaddam yang diadakan pada waktu petang pula mencatatkan hanya seorang peserta lelaki sahaja. Namun begitu, acara bertahlil mendapat sambutan yang jauh lebih menggalakkan dalam kalangan peserta lelaki, menunjukkan bahawa program berbentuk keagamaan dan kemasyarakatan masih menjadi tarikan utama warga emas di pusat ini.
S10	(I1) Kapasiti ruang yang sedia ada di PKWE DBM dinilai mencukupi untuk menampung keperluan operasi semasa, dengan rekabentuk ruang yang memudahkan proses penyelenggaraan kebersihan tanpa memerlukan kakitangan pembersih yang khusus. Kualiti penyampaian tenaga pengajar dinilai berada pada tahap yang baik dan memuaskan. Penambahbaikan dari segi variasi aktiviti juga telah dapat dikesan, antara lain melalui perubahan frekuensi pelaksanaan aktiviti tahlil kepada dua kali sebulan, mencerminkan usaha berterusan pihak pengurusan dalam memenuhi keperluan dan minat ahli.

-
- S11** (I1) Perancangan program aktiviti seharusnya mengambil kira keseimbangan antara aktiviti dalam dan luar premis PKWE DBM. Penganjuran aktiviti rekreasi dan riadah di luar pusat, seperti sesi bowling yang pernah diadakan sebelum ini, perlu diperluaskan lagi sebagai langkah menyeluruh bagi meningkatkan kualiti penglibatan dan kepuasan ahli yang lebih komprehensif.
-
- S12** (I1) Kehadiran tepat pada masa merupakan syarat asas yang mesti dipatuhi oleh setiap ahli. Dari segi kelengkapan makanan dan minuman, perbelanjaan adalah ditanggung secara peribadi oleh ahli-ahli sendiri, manakala pihak Jawatan Kuasa Tadbir PKWE DBM (JKT PKWE DBM) hanya menyediakan minuman apabila program diadakan. Peruntukan bajet yang diterima daripada pihak kerajaan pula dikhususkan untuk membiayai aktiviti-aktiviti berteraskan keusahawanan dan keagamaan semata-mata. Bagi majlis dan program khas yang diadakan, ahli-ahli digalakkan untuk menyumbang makanan secara konsep Pot Luck demi memupuk semangat gotong-royong dan kerjasama sesama ahli.
-

**Nota: S=Soalan, I=Informan*

(Sumber: Pengkaji, 2024)

Maklum balas penemubualan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Bagi **soalan pertama (S1)**, dapatan menunjukkan variasi pandangan responden mengenai perubahan kedudukan warga emas antara dahulu dan kini. (I1) menjelaskan bahawa generasi terdahulu kurang terdedah kepada aktiviti sosial, manakala warga emas masa kini lebih aktif, khususnya mereka yang pernah berkhidmat dalam sektor kerajaan dan swasta, serta terus menyumbang sebagai ahli **Jawatan Kuasa Tadbir (JKT)** dan **Jawatan Kuasa Kerja (JKK)** di **Pusat Kegiatan Warga Emas Daerah Brunei Muara (PKWE DBM)**. Namun demikian, terdapat juga yang memilih untuk tidak terlibat kerana komitmen menjaga cucu dan keperluan berehat di rumah. (I2) menekankan bahawa pada era sebelum 1990-an dan 2000-an, kadar gaji adalah rendah dan kemudahan seperti pusat kegiatan warga emas belum diwujudkan di Negara Brunei Darussalam. (I3) pula berpandangan bahawa warga emas terdahulu terdiri daripada golongan profesional seperti jurutera dan doktor yang telah menyumbang signifikan kepada pembangunan negara, manakala warga emas masa kini lebih terdedah kepada penggunaan teknologi maklumat dan media elektronik.

Bagi **soalan kedua (S2)**, (I1) menyatakan bahawa golongan muda serta agensi kerajaan seperti Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) memainkan peranan penting dalam kebajikan warga emas. (I2) menegaskan bahawa tanggungjawab utama terletak pada anak-anak serta kerajaan Negara Brunei Darussalam. (I3) turut menekankan peranan kerajaan melalui penubuhan Jabatan Pembangunan Masyarakat yang berfungsi memantau perkembangan warga emas dan menyediakan bantuan kebajikan, sekali gus mewujudkan hubungan timbal balik dari segi perkongsian ilmu dan pengalaman.

Bagi **soalan ketiga (S3)**, (I1) menyatakan bahawa warga emas yang masih memegang tanggungjawab perlu memiliki ketahanan mental dan kesabaran, khususnya apabila berhadapan kemungkinan ketidaksepadanan atau ketidakpuasan dalam kalangan ahli **JKT**. (I2) menjelaskan bahawa kerajaan menyediakan subsidi kesihatan termasuk kemudahan rawatan dan ubat-ubatan di hospital kerajaan serta Jerudong Park Medical Centre, yang mencerminkan kebajikan di bawah naungan kerajaan Negara Brunei Darussalam. (I3) menegaskan bahawa warga emas masih relevan dalam pentadbiran negara, termasuk penglibatan dalam Majlis Mesyuarat Negara dan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet bagi sesi 2022–2026, atas dasar kepakaran dan pengalaman yang dimiliki. Pengabaian terhadap golongan ini dianggap merugikan kerana ilmu mereka berpotensi diwariskan kepada generasi seterusnya.

Bagi **soalan keempat (S4)**, (I1) menyatakan bahawa penglibatan aktif dalam aktiviti dan program pembelajaran di **PKWE DBM**, serta pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan, merupakan antara pendekatan terbaik memperkasa warga emas.

Bagi **soalan kelima (S5)**, (I1) dan (I2) berpendapat bahawa kaedah pembayaran pencen melalui institusi perbankan adalah paling sistematik dan mengelakkan kesesakan, walaupun wujud risiko penipuan siber. Elaun harian sebanyak \$10.00 serta pencen melalui Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) sekitar \$200 hingga kurang \$400 dianggap mencukupi untuk menampung keperluan asas. (I3) menyatakan bahawa kadar pencen terdahulu berjumlah BND250 dan mencadangkan agar ia dikaji semula selaras dengan peningkatan kos sara hidup; beliau juga berpendapat pembayaran melalui bank lebih efisien berbanding saluran ketua kampung yang kadangkala menimbulkan kelewatan.

Bagi **soalan keenam (S6)**, (I1) menzahirkan penghargaan terhadap prasarana tempatan yang disediakan, termasuk kemudahan parkir dan lokasi yang strategik berhampiran kediaman di Kampung Meragang tanpa kesesakan lalu lintas.

Bagi **soalan ketujuh (S7)**, (I1) dan (I2) menyatakan bahawa penglibatan dalam aktiviti seperti karaoke, program kemasyarakatan dan pembelajaran berterusan mampu mengurangkan rasa kesunyian. (I3) pula menegaskan bahawa aktiviti bercorak keagamaan mendominasi penyertaan warga emas di Negara Brunei Darussalam, termasuk kehadiran ke masjid serta program riadah seperti walkaton dan berbasikal yang dianjurkan oleh masjid dan badan bukan kerajaan (NGO).

Bagi **soalan kelapan (S8)**, ketiga-tiga responden bersetuju bahawa unsur positif daripada mana-mana pihak boleh diterima dengan pendekatan berhikmah, manakala unsur negatif wajar ditinggalkan. (I3) mencadangkan agar maklumat mengenai **PKWE** disebarluaskan melalui media kerajaan dan elektronik bagi meningkatkan penyertaan, di samping menggalakkan kolaborasi antara warga emas dan belia dalam perkongsian ilmu, termasuk aspek teknologi kesihatan.

Bagi **soalan kesembilan (S9)**, (I1) melaporkan bahawa jadual pengajaran agama seperti al-Quran, Muqaddam dan tahlil dilaksanakan secara teratur dengan tahap kehadiran yang memuaskan, khususnya pada waktu pagi.

Bagi **soalan kesepuluh (S10)**, (I1) menyatakan bahawa kemudahan fizikal adalah mencukupi dan mudah disenggara, manakala pendekatan pengajaran adalah efektif dengan penambahbaikan berkala terhadap aktiviti seperti tahlil bulanan.

Bagi **soalan kesebelas (S11)**, (I1) berpandangan bahawa keseimbangan aktiviti dalaman dan luaran, seperti program bowling di luar **PKWE DBM**, wajar diteruskan.

Akhirnya, bagi **soalan kedua belas (S12)**, (I1) menegaskan kepentingan disiplin kehadiran dan pengurusan sendiri, di mana makanan disediakan secara persendirian atau konsep potluck, manakala pihak **JKT PKWE DBM** menyediakan minuman dan memfokuskan peruntukan kepada aktiviti keusahawanan dan keagamaan.

Adapun pengkaji telah membuat pemerhatian terhadap satu aktiviti yang berkaitan dengan warga emas bernama Klinik Undang-Undang Syariah bertemakan *Ri'ayah Warga Emas* pada 27 Januari 2024 di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Berakas, yang merupakan siri penutup kepada program yang sebelumnya dilaksanakan di daerah Tutong, Temburong dan Belait di Negara Brunei Darussalam. Program ini dimulakan dengan ucapan oleh Pengarah Jabatan Perundangan Islam (JAPIS), Yang Mulia Awang Haji Hardifadhillah, diikuti tayangan video penerangan mengenai pelaksanaan klinik, serta paparan bahan informasi berkaitan hukum Islam seperti pengurusan harta, PKHJS 2013 dan khidmat nasihat keluarga. Klinik ini turut melibatkan penyertaan pelbagai agensi termasuk Unit Pembangunan Warga Emas di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM),

perkhidmatan pencen, talian kebajikan 141 serta Bahagian Perkhidmatan Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak (BPKWKK), dengan kaunter khas bagi pertanyaan berkaitan harta pusaka, kekeluargaan dan jenayah Syariah; program ini juga disertai pertubuhan WARGAMAS dan warga emas yang mengemukakan pelbagai isu untuk mendapatkan penjelasan, di samping penyediaan jamuan ringan sebagai penghargaan kepada para peserta.

Adapun hasil daripada dapatan di atas, pengkaji telah menemukan empat tema penting seperti berikut:

Pendekatan Kolaboratif Pelbagai Pihak Sebagai Strategi Holistik Dalam Pemeliharaan Warga Emas Di Negara Brunei Darussalam

Berdasarkan daripada hasil penemubualan soalan-soalan yang telah diajukan kepada informan-informan iaitu **S2 (I1,I3), S3 (I2,I3), S4 (I1), S5 (I1,I3), S7 (I2,I3), S8 (I2,I3), S10 (I1) dan S11(I1)**, dapat disimpulkan bahawa pihak kerajaan, masyarakat dan golongan belia sangat berperanan dalam menyumbang kebajikan terhadap pemeliharaan warga emas di Negara Brunei Darussalam. Ketidakupayaan warga emas perlu diperhatikan sepenuhnya misalnya dalam aspek kesihatan yang mana Negara Brunei Darussalam tidak ketinggalan dalam memajukan sektor-sektor kesihatan. Adapun, dari aspek penyaluran pencen umur tua terhadap warga emas di Negara Brunei Darussalam telah dilangsungkan dan kaedah penyaluran bank menjadi jalur yang sangat diutamakan di kalangan informan. Penglibatan warga emas terhadap kegiatan-kegiatan luaran dan dalaman terbukti mampu menghilangkan rasa kesunyian mereka. Maka, keperluan terhadap memperbanyakkan perhimpunan di antara warga emas dan belia amatlah dialu-alukan kerana sebarang isu, kewahaman dan suara warga emas dapat diajukan ke peringkat yang lebih tinggi dan dikaji dengan lebih teliti oleh pihak kerajaan khususnya bagi pemeliharaan warga emas. Tambahan pula, ini dapat memartabatkan amalan Islam iaitu amalan bantu-membantu tidak mengira generasi.

Perbandingan Cabaran Antara Generasi Warga Emas Dahulu dan Kini Di Negara Brunei Darussalam

Berdasarkan daripada hasil penemubualan soalan-soalan yang telah diajukan kepada informan-informan iaitu **S1 (I1,I2), S2 (I3), S3 (I1,I3), S4 (I1), S5 (I1,I3), S6 (I1), S8 (I3) dan S12 (I1)**, dapat disimpulkan bahawa wujudnya jurang dan lompang yang ketara ketikamana membincangkan mengenai cabaran dan kemajuan warga emas ketika waktu dahulu dan sekarang. Walaupun warga emas sekarang yang telah bersara dan disambung berkhidmat dengan jawatan yang baru ditetapkan, nilai keislaman tetap diterapkan iaitu kesabaran. Adapun pengiklanan dan pemartabatan warga emas di kaca televisyen, media-media elektronik dan media-media sosial perlu sentiasa di tahap yang tinggi dan dipertingkatkan lagi sebagaimana pengiklanan dan pemartabatan golongan warga emas. Adapun jika sekiranya hal sedemikian berlaku, maka golongan warga emas dan golongan belia dapat bertukar-tukar pandangan dan pengalaman sekali gus rasa tidak camah mata akan tersemai dalam hati masyarakat umum. Maka, dengan masa yang sama, pemeliharaan warga emas turut diambil kira di Negara Brunei Darussalam.

Pengukuhan Kualiti Hidup Warga Emas Melalui Inisiatif Proaktif Kerajaan Negara Brunei Darussalam

Berdasarkan daripada hasil penemubualan soalan-soalan yang telah diajukan kepada informan-informan iaitu **S1 (I1,I3), S2 (I1,I2,I3), S3 (I2), S4 (I1), S5 (I2), S6 (I2,I3), S8 (I2,I3), S10 (I1) dan S12 (I1)**, dapat disimpulkan bahawa golongan belia adalah golongan yang mempunyai kudrat dan daya pemikiran yang masih tinggi. Maka, inisiatif dan idea-idea

mereka perlulah tidak diketepikan kerana mereka dapat menganalisis, menyesuaikan dan menerapkan idea-idea mereka sesuai transisi perubahan zaman dan keperluan warga emas yang pada setiap zaman adalah berbeza-beza. Maka, bagi pihak-pihak yang berkepentingan selain warga emas, adalah dialu-alukan untuk mengambil segala idea-idea yang boleh digunapakai dan menasihati idea-idea yang kurang bersesuaian dengan pemeliharaan warga emas. Adapun, pelaksanaan terhadap perhimpunan di antara warga emas dan golongan belia mampu membuahkan hasil berkaitan dengan isu-isu berkaitan dengan warga emas di Negara Brunei Darussalam misalnya pembinaan teknologi-teknologi dan kecerdasan buatan (AI) ciptaan belia dalam mengawal dan mengurangkan penyakit-penyakit yang mempunyai perangkaan yang tinggi di Negara Brunei Darussalam.

Pengukuhan Institusi Keluarga dan Peranan Belia Dalam Memperkasa Sistem Pemeliharaan Warga Emas Di Negara Brunei Darussalam

Berdasarkan daripada hasil penemubualan soalan-soalan yang telah diajukan kepada informan-informan iaitu **S2 (I1, I2), S3 (I3) dan S8 (I1,I2,I3)**, dapat disimpulkan bahawa pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak mengetepikan dan mengabaikan golongan warga emas sebagaimana ada sebahagian warga emas diambil dan diberi jawatan untuk sambung bekerja berkat kepakaran dan pengalaman mereka yang standing dengan golongan-golongan yang lain. Adapun pihak kerajaan telah membina Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di keempat-empat daerah menerusi Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) bagi kegunaan warga emas. Sudah setentunya pengurusan dari segi penjadualan aktiviti, tempat pembelajaran, tahap kesihatan dan sebagainya perlulah di tahap yang baik dan kondusif agar mereka dapat mencapai penuaan yang berjaya dan kelangsungan kehidupan. Terbukti bahawa penglibatan warga emas menerusi pelbagai aktiviti-aktiviti yang sesuai mampu menjadikan mereka lebih bahagia dan tiada rasa kesunyian. Berdasarkan pemerhatian dan observasi bagi ketiga-tiga tempat, dapat disimpulkan bahawa pengurusan yang sedia ada adalah di tahap yang baik akan tetapi memerlukan penambahbaikan agar mencapai keselesaan dan kecukupan secara sistematik sesuai pandangan Islam misalnya diterapkan konsep Maqāsid Syarī'ah.

Kajian ini menegaskan bahawa pemeliharaan warga emas menurut Islam melalui pendekatan senegara (*Whole of Nation Approach*) memperkukuh nilai tolong-menolong dan persediaan penuaan yang proaktif, bukan pasif (Izzati Jaidin, 2023; Muhammad Haniff Hassan, 2019). Peranan institusi kekeluargaan adalah kritikal dalam menjaga kesejahteraan kerohanian dan fizikal warga emas (Izzati Jaidin, 2019). Tanpa penerapan Maqāsid Syarī'ah, pemeliharaan warga emas di Brunei akan terhalang, seperti yang berlaku sebelum 1959 (Rozan Yunos, 2022). Kajian ini menyeru pengukuhan kerangka Islam dalam penjagaan warga emas, mempergiatkan hubungan antara belia dan warga emas, serta memastikan pendekatan senegara yang komprehensif untuk mencapai penuaan berjaya dan pemerdayaan institusi kekeluargaan (Brunei Darussalam Declaration On Strengthening Family Institution, 2010; ASEAN & Japan High-Level Meeting on Active Aging, 2013).

CONCLUSION

Kajian ini merumuskan bahawa pengintegrasian prinsip Maqasid Syariah ke dalam sistem pengurusan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di Negara Brunei Darussalam merupakan mekanisme kritikal bagi mendepani cabaran perubahan demografi yang kian meningkat. Penemuan utama menunjukkan bahawa pengurusan yang komprehensif bukan sahaja mampu meningkatkan keberkesanan PKWE sebagai institusi sokongan, malah secara praktikalnya memperkukuh kesejahteraan spiritual, sosial, dan emosi warga emas sekali gus mengurangkan kesan negatif penuaan. Kajian ini memberikan sumbangan penting kepada

bidang ilmu dengan memperkenalkan lensa Maqasid Syariah yang selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai kerangka analitik dalam tadbir urus kebajikan warga emas, yang sebelum ini masih terhad dalam literatur tempatan. Implikasi praktikal hasil kajian ini menekankan keperluan terhadap kolaborasi antara generasi dan penyebaran maklumat yang lebih sistematik bagi memastikan peranan warga emas tetap relevan dalam pembangunan negara. Bagi memperkukuh penyelidikan pada masa hadapan, disarankan agar kajian lanjutan dilakukan secara lebih mendalam mengenai keberkesanan aktiviti luaran yang seimbang serta penilaian semula kadar pencen tua agar selaras dengan realiti ekonomi semasa demi menjamin kualiti hidup golongan ini secara mampan.

REFERENCES

Al Quran al-Kareem.

- Ab Rahman, A., & Abdullah Thaidi, H., & Ab Rahman, M. F. (2019). Peranan institusi zakat dan model pengurusan kebajikan warga emas berasaskan Maqasid Syariah: Tinjauan awal di Selangor. In *Prosiding Seminar Persidangan Industri Warga Emas Peringkat Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah 2019* (pp. 1–15). Universiti Sains Malaysia. <https://fsu.usim.edu.my/wp-content/uploads/2019/04/E-prosiding-Persidangan-Industri-Warga-Emas-latest-ISBN.pdf>
- Ab Rahman, M. F., Abd Hamid, A. M., Hussein ‘Azeemi, Abdullah Thaidi, & Azman Ab Rahman. (2020). Peranan institusi wakaf dalam melestarikan pengurusan warga emas di Malaysia. *Perdana: International Journal of Academic Research*, 8(1), 21–30. <https://perdanajournal.com/index.php/perdanajournal/article/view/93>
- Ab Rahman, O. (2018). Pendekatan rakan sebaya sebagai media berkesan dalam pengurusan warga emas Muslim: Satu kajian kes di persatuan warga emas di Lembah Klang. *Journal of Fatwa Management and Research*, 13(1), 660–675. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol13no1.213>
- Al Maraghi, A. M. (1946). *Tafsir al-Maraghi*. Mesir: Syarikat Maktabah wa Matba’ah al-Baab al-Halbi.
- ASEAN. (2010). *Brunei Darussalam declaration on strengthening family institution: Caring for the elderly*. Bandar Seri Begawan: ASEAN Secretariat. <https://asean.org/wp-content/uploads/2021/01/Brunei-Darussalam-Declaration-on-Strengthening-Family-Institution-Caring-for-the-Elderly-2010.pdf>
- ASEAN. (2013). *The 11th ASEAN and Japan high level officials meeting on caring societies adopted recommendations*. Japan: Ministry of Health, Labour and Welfare of Japan. https://www.mhlw.go.jp/english/policy/affairs/asean/dl/11th_30_Developing_Recommendations.pdf
- Besar, N. (2022). Gagasan negara zikir Negara Brunei Darussalam: Kejayaan dan cabaran. In *Penyelidikan Islam: Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli* (pp. 13–28). Penerbit UTHM. <http://eprints.uthm.edu.my/7285/1/2.pdf>
- Bowen, G. A. (2009). Document analysis as a qualitative research method. *Qualitative Research Journal*, 9(2), 27–40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Braun, V., & Clarke, V. (2019). Reflecting on reflexive thematic analysis. *Qualitative Research in Sport, Exercise and Health*, 11(4), 589–597. <https://doi.org/10.1080/2159676X.2019.1628806>

- Cope, D. G. (2014). Methods and meanings: Credibility and trustworthiness of qualitative research. *Oncology Nursing Forum*, 41(1), 89–91. <https://doi.org/10.1188/14.ONF.89-91>
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE Publications.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Denzin, N. K. (1978). *The research act: A theoretical introduction to sociological methods* (2nd ed.). McGraw-Hill.
- Datin Dr. Hajah Saadiah. (2012). *Institusi keluarga dan undang-undang*. Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.
- Department of Policy & Planning. (2019). *Strategic plan 2019–2023*. Brunei Darussalam: Ministry of Health. [https://www.moh.gov.bn/Shared%20Documents/Strategic%20Plan%20MOH%202019-2023/FINAL%20MOH%20Strategic%20Book%202019-compressed%20\(5MB\).pdf](https://www.moh.gov.bn/Shared%20Documents/Strategic%20Plan%20MOH%202019-2023/FINAL%20MOH%20Strategic%20Book%202019-compressed%20(5MB).pdf)
- Department of Statistics. (2024). *Brunei Darussalam key indicators 2023*. Bandar Seri Begawan: Ministry of Finance and Economy. <https://deps.mofe.gov.bn/DEPD%20Documents%20Library/DOS/BDKI/BDKI.pdf>
- Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (ESCAP). (2017). *Ageing in Asia and the Pacific: Overview*. Bangkok: United Nations. <https://www.unescap.org/sites/default/files/SDD%20Ageing%20Fact%20Sheet%20Overview.pdf>
- Fatin, M. F. (2020). The role of Islam in the management and administration of Brunei Darussalam. *Islamic Research*, 3(2), 45–49. <https://doi.org/10.47076/jkpis.v3i2.48>
- Hanni, N., & Matali, A. (2023). Faktor krisis rumah tangga di Negara Brunei Darussalam. *Asian People Journal*, 6(1), 93–110. <https://doi.org/10.37231/apj.2023.6.1.401>
- Hassan, M. (2019). *Pemikiran asas berkaitan Islam dan penuaan*. Singapura: PERGAS. <https://haniff.sg/wp-content/uploads/2019/05/artikel-islam-dan-penuaan.pdf>
- Hilali, S. M. (2011). *Qadhaya wa ahkam al-musinnin al-mu'asirah: Dirasah fihiyyah muqaranah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Institut Perkhidmatan Awam (IPA). (2020). *Islamic governance & the Maqasid of the Shari'ah*. Brunei Darussalam: IPA. <https://www.ipa.gov.bn/Shared%20Documents/GW2020/Intro%20to%20Islamic%20Governance%20-%20Amin.pdf>
- Izzati, J. (2019). *Ageing and Malay Muslim women in Brunei* (Working Paper No. 48). Institute of Asian Studies, Universiti Brunei Darussalam. https://ias.ubd.edu.bn/wp-content/uploads/2020/12/working_paper_series_48.pdf
- Izzati, J. (2023). Spirituality and ageing among women in Brunei Darussalam: Challenges and prospects. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 29(1), 45–62.
- Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei. (2023). *Mu'tamar Antarabangsa Fiqh Al-Usrah 2023 (Muafiq23) [International Conference on Family Fiqh 2023]*. JHEU.
- Jabatan Perdana Menteri. (2018). *Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenaan Maqasid Syariah*. JPM.
- Jabatan Perdana Menteri. (2023). *Titah sempena Majlis Konvokesyen Ketiga Belas, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)*. JPM. <https://www.pmo.gov.bn/Lists/TITAH/NewDispform.aspx?ID=444>

- JP [Jabatan Penerangan] Brunei Darussalam, Hajah Rosidah binti Haji Ismail, Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir, & Nurul Syakirah binti Zaini. (2015). *Kumpulan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Tahun 2006* (73). Brunei Darussalam: Unit Penerbitan Melayu, Jabatan Penerangan. <https://www.information.gov.bn/Malay%20Publication%20PDF/2006.pdf>
- Khutbah Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU, NBD). (2023, May 19). Mengukuhkan keharmonian keluarga. <https://www.mora.gov.bn/Lists/Khutbah/NewDisplayItem.aspx?ID=962>
- Lukman, A. M., Wan Abdul Fattah, W. I., Setiyawan, G., & Hasnizam, H. (2019). Rahmat Allah kepada orang tua dalam beribadah menurut fikah Islam. In *Kertas Kerja Persidangan Industri Warga Emas Peringkat Kebangsaan: Menuju Pengurusan Patuh Syariah 2019* (pp. 1–12). Universiti Sains Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/333419416>
- Mahmud Saedon, A. O. (1997). *Pemedulian ke arah meningkatkan kualiti kehidupan pesara di dalam masyarakat dari pandangan Islam*. Brunei Darussalam: Pakar Perundangan Islam (PPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- Matsah, N., Yussof, Y., Rahman, S., Ariffin, A., & Teo, S. (2023). Framework for healthy ageing in Brunei Darussalam. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.28157.13289>
- Mohd Khairul, N. A. H. D. (2020). Cabaran pembangunan belia berdepan pasca pandemik di Negara Brunei Darussalam. In *e-Prosiding Bicara Dakwah Kali Ke 21, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia* (pp. 1–10). <https://www.ukm.my/bicaradakwah/wp-content/uploads/2020/12/e-Prosiding-Bicara-Dakwah-Kali-Ke-21-71.pdf>
- Mutalib, M., & Masod, A. (2019). Menerajui usia emas yang berkualiti: Kajian kes di pondok warga emas, Madrasah Ibnu Mas'ud, Segamat. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 6, 25–29. https://www.ijcwed.com/wp-content/uploads/2019/04/PiCCWED7_017.pdf
- Noor, M. S. M., Jamil, W. K. N. W., Anas, N., & Ramlan, A. N. M. (2022). Management of Muslim elderly based on Hadith Nabawi: A proposed model in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(5), 1817–1830. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i5/13883>
- Pelita Brunei. (2017, Jan). OIC: Persidangan Menteri Pertama berkenaan institusi keluarga dan perkahwinan. *Pelita Brunei*, 6. <https://www.pelitabrunei.gov.bn>
- Pelita Brunei. (2023, Mei). Pendekatan Whole of Nation dalam menyampaikan mesej keharmonian keluarga. *Pelita Brunei*, 3. <https://www.pelitabrunei.gov.bn>
- Phillips, D. R. (2000). *Ageing in the Asia-Pacific region: Issues, policies and future trends*. London: Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780203463086>
- Rahman, S., & Tan, C. W. (2024). Sarcopenia prevention for successful healthy ageing (SHAPE): A framework for action for Brunei Darussalam. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.11892.36484>
- Richard Barrett. (2003). *Vocational business: Training, developing and motivating people*. Nelson Thomes.
- Samsul Muawan, M., & Supri Sudin, A. (2023). Analisis konsep kafa'ah terhadap keharmonian suami dan isteri dalam konteks isu semasa di Negara Brunei Darussalam. *Malaysian Journal of Islamic Studies*, 7(2), 49–72. <https://doi.org/10.37231/mjis.2023.7.2.228>
- Secretariat Editorial Committee BruMAP-NCD. (2021). *Brunei Darussalam Multisectoral Action Plan for the Prevention and Control of Noncommunicable Diseases (BruMAP-*

- NCD) 2021–2025. Ministry of Health, Brunei Darussalam. <https://www.moh.gov.bn/Shared%20Documents/BRUMAP%20NCD%202021.pdf>
- Tuan Sidek, T. M., & Ismail Hasanuddin. (2021). Pendekatan Maqasid Syariah dalam pemeliharaan kemaslahatan warga emas. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 22(2), 103–119. [https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i\(S2\).6242](https://doi.org/10.15282/ijhtc.v6i(S2).6242)
- Tuan Sidek, T. M., & Ismail Hasanuddin. (2023). Penyelidikan warga emas berteraskan Maqasid Syariah: Satu tinjauan dasar. *Jurnal Pengurusan Awam*, 18(1), 43–60. <https://doi.org/10.15282/ijhtc.v8i1.9325>
- United Nations. (2020). *World social report 2020: Inequality in a rapidly changing world*. United Nations. <https://www.un.org/development/desa/dspd/world-social-report/2020-2.html>
- United Nations Department of Economic and Social Affairs, Population Division. (2023). *World population ageing 2023: Challenges and opportunities of population ageing in the least developed countries*. UN. https://www.un.org/development/desa/pd/sites/www.un.org.development.desa.pd/files/undesapd_2024_wpa2023-report.pdf
- Yunos, R. (2022). *The implementation of government policies based on Islamic governance, Maqasid Shariah and Whole of Nation approach*. Brunei Darussalam: Qasrun Nafis Publishing House. <https://www.researchgate.net/profile/Md-Yunos/publication/370562027>
- Zulkipli, S. R. I., & Noornajihan, J. (2022). Warga emas: Perbincangan usia warga emas melalui Islam dan Barat serta proses penuaannya. *International Prophetic Conference (SWAN) FPQS USIM*, 8, 334–344. <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/33>

Authors' Brief CV

1st Author. Graduan sarjana tahun 2025 ini kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang Syariah di UNISSA. Beliau aktif dalam penyelidikan dan pembentangan jurnal berkaitan Maqasid Syariah. Pernah memegang jawatan Presiden Nukbah Ilmuan PPMS (2023/2024), beliau juga sering menjadi moderator dan ahli panel seminar fiqh kontemporari.

2nd Author. Beliau merupakan pensyarah di Fakulti Syariah, UNISSA sejak 2019. Pemegang ijazah Doktor Falsafah Syariah ini pakar dalam bidang Fiqh Mazhab Syafi'i, Usul Fiqh, dan Maqasid Syariah. Beliau juga aktif dalam penyelidikan berkaitan wakaf serta kini berkhidmat sebagai Ketua Program Lepas Ijazah di Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i (PPMS).